

Nama : .....  
 No.K.P : .....  
 Angka Giliran : .....  
 Tingkatan : .....



**SMJK CHUNG HWA, JAKAN ATAS BANGGOL  
 KOTA BHARU KELANTAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2017**

**1249/2**

**SEJARAH**

**Kertas 2**

**10 Ogos 2017**

**2 ½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

***JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU***

1. Tulis nama, nombor kad pengenalan, angka giliran dan tingkatan anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Tulis jawapan bagi **Bahagian A** dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Tulis jawapan bagi **Bahagian B** pada kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.
6. **Ikat** helaian kertas jawapan **Bahagian B** pada kertas soalan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
<b>A</b>	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
<b>B</b>	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
<b>Jumlah</b>		100	

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak

**Bahagian A**

[40 *markah*]

Jawab **semua** soalan.

1 Kedah Tua yang muncul pada abad ke-5 hingga abad ke-13 Masihi merupakan sebuah kerajaan maritim yang berperanan sebagai pelabuhan kerajaan kemudiannya berkembang menjadi pelabuhan entrepot yang terunggul di Asia Tenggara.

(a) Nyatakan peranan pelabuhan berikut

i) Pelabuhan kerajaan

.....  
.....

[ 1 *markah* ]

ii) Pelabuhan entrepot

.....  
.....

[ 1 *markah* ]

(b) Mengapakah pelabuhan kerajaan Kedah tua berkembang menjadi pelabuhan entrepot?

.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 *markah* ]

- (c) Pada pendapat anda, apakah usaha yang perlu dilakukan untuk mengekalkan Kedah Tua sebagai sebuah kuasa maritim sehingga ke hari ini?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[ 4 markah ]

2. Perjanjian Hudaibiyah telah ditandatangani pada tahun 6 H bersamaan 628 M antara orang Islam Madinah dengan orang Arab Quraisy Makkah yang menjadi perintis ke arah pembukaan semula kota Makkah.

(a) Jelaskan peristiwa yang membawa kepada Perjanjian Hudaibiyah?

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

(b) Terangkan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah kepada perkembangan Islam?

.....  
.....  
.....  
.....

[ 3 markah ]

(c) Mengapakah Perjanjian Hudaibiyah menjadi perintis ke arah pembukaan kota Makkah?

.....  
.....  
.....

[ 2 markah ]

(d) Kejayaan pembukaan kota Makkah telah memberi manfaat kepada kehidupan umat Islam sejagat.

Beri hujah anda.

.....  
.....  
.....  
.....

[ 3 markah ]

3. Pengenalan sistem birokrasi dan gerakan nasionalisme di Thailand berbeza dengan negara-negara lain di Asia Tenggara.

( a ) Nyatakan **tiga** sebab berlaku gerakan nasionalisme tahap pertama di Thailand?

( i ) .....

( ii ) .....

( iii) .....

[ 3 markah ]

( b ) Jelaskan tindakan Phibul Songram semasa gerakan nasionalisme pada tahap kedua.

.....  
.....  
.....  
.....

[ 3 markah ]

( c ) Jelaskan perbezaan antara sistem birokrasi Barat di Thailand dengan sistem birokrasi Barat di Burma.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

4. (a) Nyatakan **dua** ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka.

(i) .....

(ii) .....

[ 2 markah ]

(b) Kesultanan Melayu Melaka meninggalkan pengaruh yang cukup besar terhadap negeri-negeri Melayu yang muncul selepasnya.

Beri penjelasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

(b) Pada pendapat anda, bagaimanakah negara kita boleh mencapai kegemilangan seperti zaman Kesultanan Melayu Melaka ?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan daripada bahagian ini.*

5. Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w yang diutuskan sebagai rasul adalah satu rahmat kepada manusia sejagat hingga hari ini.
- (a) Ceritakan riwayat hidup Nabi Muhammad s.a.w sebelum baginda dilantik menjadi rasul. [ 6 markah ]
- (b) Keperibadian dan kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w yang telah berjaya mengubah corak hidup masyarakat Arab Jahiliah adalah wajar dicontohi. Buktikan pernyataan ini. [ 6 markah ]
- (c) Bagaimanakah pengamalan sifat keperibadian Nabi Muhammad s.a.w boleh membantu pembentukan masyarakat Malaysia yang aman dan harmoni? [ 8 markah ]
6. Kedatangan pedagang Islam ke Asia Tenggara telah membantu penyebaran Islam serta memberi kesan kepada sistem ekonomi masyarakat Melayu sebelum penjajahan Barat.
- (a) Bagaimanakah golongan pedagang membantu menyebarkan Islam di Asia Tenggara? [ 6 markah ]
- (b) Mengapakah orang Melayu turut melibatkan diri dalam kegiatan perdagangan selepas kedatangan Islam? [ 6 markah ]
- (c) Islam telah mengubah sistem ekonomi di Asia Tenggara. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut . [ 8 markah ]

7. Zaman Renaissance bermula di Itali pada abad ke 14 dan kemudian berkembang ke Eropah Barat sehingga abad ke 17 .

(a) Jelaskan maksud Renaissance. [ 4 markah ]

(b) Terangkan kesan Zaman Renaissance terhadap masyarakat Eropah.

[ 8 markah ]

(c) Maklumat berikut adalah faktor perkembangan Zaman Renaissance di Itali

- Peranan pedagang kaya
- Semangat Individualisme

Sejauh manakah faktor tersebut membolehkan Itali muncul sebagai tempat bermulanya Zaman Renaissance? [ 8 markah ]



8. Gambar 1 berkaitan dengan tanaman getah di Tanah Melayu pada abad ke-20.



Gambar 1

- (a) Terangkan faktor yang membantu perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. [ 6 markah ]
- (b) Berikut adalah jadual jumlah pengeluaran getah di Tanah Melayu antara tahun 1929 hingga tahun 1934.

Tahun	Nilai (dalam pound streling)
1929	50 785 000
1930	28 208 000
1931	13 806 000
1932	9 077 000
1933	14 253 000
1934	32 557 000

Pada pendapat anda mengapakah jumlah pengeluaran getah mengalami kemerosotan antara tahun 1929 hingga tahun 1934? [ 6 markah ]

- (c) Walaupun perusahaan getah mengalami turun naik harga tetapi masih menjadi sumber ekonomi penting kepada negara kita.

Beri hujah anda.

[ 8 markah ]

9. Sumber 1 merujuk kepada Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Pemasyhuran Kemerdekaan

*Dengan nama Allah yang Maha Murah lagi Mengasihani, segala puji bagi Allah yang Maha Berkuasa dan selawat dan salam ke atas sekalian Rasul-Nya .*

*Bahawasanya kerana telah tibalah masanya bagi umat Persekutuan Tanah Melayu ini mencapai taraf suatu bangsa yang merdeka lagi berdaulat sama setimpal kedudukannya dengan segala bangsa di seluruh dunia.*

*Dan bahawasanya kerana perjanjian yang disebut namanya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 yang diperbuat antara Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Negeri Melayu, maka, telah dipersetujui bahawa Negeri-Negeri Melayu iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan , Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Perak serta negeri yang dahulunya dinamakan Negeri Selat, iaitu Melaka dan Pulau Pinang, mulai 31 hari bulan Ogos 1957, hendaklah menjadi sebuah Persekutuan baharu bagi negeri-negeri yang bernama Persekutuan Tanah Melayu.*


*Dan bahawasanya kerana telah bersetuju pula antara kedua-dua pihak dalam perjanjian yang tersebut , iaitu Melaka dan Pulau Pinang hendaklah daripada tarikh tersebut itu tamat daripada menjadi sebahagian daripada jajahan takluk baginda Queen, dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen tidak lagi berhak menjalankan apa-apa jua kedaulatan baginda ke atas kedua-dua buah negeri tersebut itu.*

*Dan bahawasanya kerana telah bersetuju pula antara kedua-dua pihak yang tersebut, iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948, dan segala perjanjian lain yang ada sekarang antara Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Duli-Duli Yang maha Mulia Raja-Raja ataupun salah seorang daripada baginda itu sebelum tarikh yang tersebut hendaklah dibatalkan mulai daripada tarikh itu, dan semua kuat kuasa dan hak Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen ataupun Parlimen Negeri United Kingdom dalam Negeri-Negeri Selat yang tersebut itu ataupun yang berhubung dengannya atau Negeri-Negeri Melayu ataupun Persekutuan Tanah Melayu seluruhannya adalah tamat dengan sendirinya.*

*Transliterasi manuskrip Pemasyhuran Kemerdekaan daripada tulisan jawi kepada tulisan rumi*

9. (a) Jelaskan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 . [ 4 markah ]
- (b) Terangkan kepentingan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dalam mengukuhkan pembinaan negara bangsa yang merdeka. [ 8 markah ]
- (c) Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.
- Bincangkan pernyataan tersebut . [ 8 markah ]

10. Satu keunikan dalam sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen di negara kita Malaysia ialah wujudnya Institusi Raja Berperlembagaan yang kekal hingga hari ini.
- Jelaskan keunikan institusi Raja Berperlembagaan tersebut? [ 4 markah ]
  - Terangkan peranan Yang di-Pertuan Agong dalam sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen di negara kita hari ini. [ 8 markah ]
  - Bagaimanakah untuk mempertahankan Institusi Raja Berperlembagaan supaya terus kekal unggul di negara kita ? [ 8 markah ]
11. Rajah berikut menunjukkan cabaran globalisasi yang harus dihadapi oleh masyarakat masa depan



- Apakah usaha Malaysia bagi menghadapi cabaran berikut:-
  - Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
  - K-ekonomi
  - K-masyarakat

[ 6 markah ]
- Pada pendapat anda, mengapakah rakyat Malaysia perlu mencapai status K-masyarakat dan k-ekonomi?
 

[ 6 markah ]
- Sejauh manakah globalisasi mempengaruhi kehidupan manusia hari ini?
 

[ 8 markah ]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

